

Bilangan penduduk hanya berkembang jika setiap wanita mempunyai kadar purata 2.1 kelahiran

Manusia semakin kurang selepas tahun 2064



POPULASI dunia dijangka mencapai kemuncak hampir 9.7 bilion orang dalam tempoh 44 tahun sebelum mula merudum, kata saintis yang meramalkan Nigeria bakal menjadi tuan rumah kepada lebih ramai penduduk berbanding China.

Portal *Dailymail.co.uk* melaporkan, selepas tahun 2064, populasi penduduk akan mula menyusut berikutan penurunan dalam jumlah anak dimiliki iaitu menurun sebanyak 900 juta menjadi 8.8 bilion pada 2100.


Menurut pakar, populasi penduduk hanya akan berkembang atau kekal stabil sekiranya setiap wanita mempunyai kadar purata 2.1 kelahiran.

Jelas laporan itu, banyak negara sudah mempunyai kadar kelahiran yang lebih rendah daripada yang diperlukan untuk mengekalkan saiz populasi termasuk sebahagian Eropah, Rusia, Kanada, Amerika Syarikat (AS), Brazil, China dan Australia.

Kaji selidik itu dijalankan oleh sepasukan 24 saintis yang diketuai oleh Dr. Christopher Murray dan Profesor Stein Vollset dari Universiti Washington di Seattle, AS.

Kajian itu disiarkan dalam jurnal perubahan United Kingdom (UK), *The Lancet*.

Para penyelidik itu meramalkan beberapa negara termasuk Jepun, Sepanyol dan Thailand akan menyaksikan komuniti mereka merudum sebanyak



50 peratus.

Populasi penduduk di Barat menyusut lebih cepat berbanding Afrika dan Asia yang memerlukan 80 tahun lagi bagi kadar kelahiran menurun di bawah 'tahap stabil' di beberapa negara membangun.

Pasukan penyelidik itu percaya Nigeria bakal menjadi antara negara terbesar di

dunia pada akhir abad ini, manakala, AS pula akan kekal sebagai kuasa global paling berpengaruh.

Buat masa ini, India dianggarkan memiliki 1.3 bilion orang, berada pada kedudukan kedua selepas China merekodkan 1.4 bilion penduduk.

Jelas kajian itu, ia diikuti oleh Nigeria (791 juta orang),

AS (336 juta orang), Pakistan (248 juta orang) dan Republik Demokratik Kongo (246 orang) di Afrika.

Menurut kajian itu, populasi di UK (ketika ini 66 juta orang) akan meningkat 75 juta pada 2063 sebelum jatuh menjadi 71.5 juta, awal abad ini.

Malah, dari segi ekonomi pula, Indonesia dan Turki

akan menjadi dua daripada 12 negara paling berkuasa menjelang 2100 kerana Brazil dan Rusia terkeluar daripada senarai kedudukan tertinggi global.

Saintis yang melakukan kaji selidik itu menjelaskan kadar kelahiran dijangka menurun secara global apabila semakin banyak negara menjadi moden dan peranan wanita sebagai ibu dan suri rumah semakin pudar.

Sementara itu, Murray bersama penyelidikannya memaklumkan kaji selidik tersebut bertentangan dengan laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menyatakan populasi dunia akan terus meningkat sepanjang abad ini.

Namun, mereka mengaku populasi global kemungkinan besar 'menjadi drastik' dalam tempoh 40 tahun akan datang, iaitu menyaksikan peningkatan lebih dua bilion orang.

Katanya, sebahagian besar pertumbuhan tersebut akan berlaku di Afrika sub-Sahara, yang mana kadar kelahirannya sudah pun berada pada kedudukan yang tinggi.

Kajian *Lancet* turut meramalkan populasi sub-Sahara Afrika yang merangkumi Nigeria, Republik Demokratik Kongo dan Kenya, akan meningkat tiga kali ganda sehingga tahun 2100, iaitu daripada 1.03 billion pada 2017 kepada 3.07 billion orang dalam tempoh 80 tahun lagi kerana peningkatan dalam penjagaan kesihatan dapat menurunkan kadar kematian di benua itu.

- AGENSI.